

PM: Umno perlu semangat kuat

Oleh
NAZAR
ABDUL

BUKIT KAYU HITAM, Sabtu —
Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad
menegaskan Umno perlukan se-
mangat yang kuat bagi mene-
ruskan perjuangan parti untuk
mencapai hasrat dan cita-cita
bangsa dan negara.

"Tanpa semangat, Umno tidak
mungkin dapat menghadapi caba-
ran-cabaran masa depan yang le-
bih hebat," kata Perdana Menteri di
upacara meletakkan batu asas
kompleks perniagaan Umno Baha-
gian Kubang Pasu, di sini petang
ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Umno
tidak boleh bergantung kepada pemberian
peruntukan atau wang untuk menjalankan
kegiatan politiknya kerana ini akan hanya
melemahkan ahli-ahli parti dan per-
juangan Umno.

Beliau, bagaimanapun percaya ahli-ahli
Umno tidak akan mengharapkan wang semata-
mata untuk berjuang demi kepentingan parti.

Katanya, Pemuda dan Wanita Umno hari ini
perlu mempunyai semangat yang kuat untuk
mengambil alih pucuk pimpinan parti.

Menghadapi ujian

"Kalau Pemuda dan Wanita tidak mem-
punyai semangat, kita tidak boleh menyerah-
kan pucuk pimpinan kepada mereka," tambah-
nya.

Perdana Menteri menegaskan, pada masa ini
semangat yang lebih kuat amat penting bagi
mencapai kejayaan politik kerana cabaran-ca-
baran masa depan adalah lebih hebat.

Beliau bersyukur kerana semangat Umno kini ber-
tambah kuat dan parti itu berjaya menghadapi ujian
seperti masalah pindaan Perlembagaan baru-baru
ini.

Katanya, hasil semangat yang kuat dari ahli-ahli
Umno dan rakyat, masalah itu telah dapat diselesa-
kan dengan baik.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negara juga me-
merlukan rakyat yang bersemangat untuk mencapai
kejayaan dan kemajuan di pelbagai bidang.

Beliau berharap ahli-ahli Umno akan mengguna-
kan semangat berkobar-kobar untuk bergiat di bi-
dang perniagaan supaya kaum Bumiputera juga
akan berjaya di bidang ekonomi.

Mengenai perniagaan, Perdana Menteri
mengingatkan kaum Bumiputera supaya tabah hati
dan meningkatkan kecekapan dan pengurusan mere-
ka bagi memastikan kejayaan.

"Jangan mudah kecewa atau ingin cepat kaya kera-
na di bidang perniagaan, seseorang itu perlu me-
lengkapkan diri bagi mengatasi pelbagai masalah
untuk menikmati keuntungan," jelasnya.

Menurutnya, kaum Bumiputera perlu membanyak-
kan latihan dan pengalaman di bidang perniagaan jika
ingin berjaya dan setanding dengan peniaga-peniaga
kaum lain.

Beliau juga menyeru peniaga-peniaga bukan Bumi-
putera bekerjasama dan membimbing peniaga-peni-
aga Bumiputera bagi menikmati bersama kemak-
muran dan kemajuan negara ini.

"Kalau Bumiputera kaya, kaum bukan Bumiputera
juga akan dapat menikmati kekayaan itu," tegasnya.

Menyentuh keadaan kemelesetan ekonomi, Datuk
Seri Dr Mahathir menasihatkan rakyat bersabar dan
sanggup menikmati apa yang ada.

Lebih 20,000 orang telah membanjiri pekan sempa-
dan ini mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri
dan Datin Seri Dr Siti Hasmah.